

18 JUN 1998

Anwar-UMNO

ANWAR AJAK SELURUH ANGGOTA UMNO BERSATU

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengajak seluruh anggota parti itu bersatu di belakang pucuk pimpinan dan terus berpegang teguh kepada prinsip perjuangan parti untuk menghadapi kegawatan ekonomi yang melanda negara.

"UMNO perlu bersatu dalam satu saf yang padu bersama pimpinan kita yang diterajui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir (Mohamad) untuk menghadapi suasana getir ini.

"Kepentingan peribadi perlu diketepikan; dan sikap berkelompok atau berpuak harus dielakkan," katanya ketika merasmikan perhimpunan Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Anggota UMNO perlu mengambil iktibar daripada kerenah akibat sikap berpuak-puak, kata Timbalan Perdana Menteri itu, merujuk kepada perpecahan yang pernah berlaku kepada parti itu pada tahun 1987.

"Sudah tentu ada petualang yang ingin menanggung di air keruh. Ada pihak yang cuba mengadu-domba. Jika ada media asing atau orang luar yang cuba melaga-laga di kalangan pimpinan kita, kita jangan terpengaruh. Kita jangan sekali-kali terperangkap dengan permainan mereka," katanya.

"Jangan juga kita menari menurut rentak golongan yang kecewa dan tersisih."

Beliau berkata anggota-anggota UMNO jangan sekali-kali terpedaya dengan pakatan "gerombolan dengki dan konco-konco upahan mereka yang bersifat talam dua muka dan bergelumang dalam najis fitnah."

Akhir-akhir ini media asing sering kali merendah-rendahkan kepimpinan Dr Mahathir dengan memberi gambaran kononnya kegawatan ekonomi yang dihadapi Malaysia adalah sebahagiannya berpunca daripada beliau sementara Anwar digambarkan sebagai pemimpin yang boleh membawa Malaysia keluar daripada masalah itu. Media asing juga memberi gambaran kononnya Anwar dan Dr Mahathir sudah tidak sehaluan lagi dalam pendekatan menangani kegawatan ekonomi.

Anwar berkata dalam suasana kusut seluruh anggota UMNO harus bertenang, sentiasa mengawal emosi.

"Jangan kita menjadi bagai orang terpijak bara hangat, menjadi tak senang diam. Kita jangan hilang pedoman," katanya.

Katanya UMNO harus terus berpegang kuat kepada prinsip perjuangan berteraskan Islam dan kebudayaan Melayu dan elakkan rasa gementar dengan mengukuhkan keyakinan terhadap perjuangan.

Anwar berkata UMNO sebagai sebuah parti menentukan agendanya tersendiri -- agenda bangsa Melayu, ekonomi, sosial, agama, budaya, wawasan 2020 dan gagasan masyarakat madani -- dan oleh itu jangan dibiarkan perhatian dan tumpuan dikalihkan oleh permainan catur orang lain.

Anwar juga memberi penekanan kepada pentingnya semangat berkorban di kalangan semua pihak bagi memastikan negara dapat keluar daripada kegawatan ekonomi.

Bagaimanapun, pengorbanan tidak boleh pada satu pihak sahaja tetapi haruslah melibatkan semua pengguna dan peniaga, rakyat dan pemimpin.

"Rakyat perlu berkorban, tetapi pemimpin juga perlu berkorban. Kita tidak akan dapat keluar dari kegawatan sekarang jika ada golongan yang mengambil sikap enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing.

"Golongan bernaftu besar ini mahukan mereka sentiasa didahulukan. Dalam zaman mewah mereka mahu membolot segala habuan. Tatkala kita berdepan dengan kesusahan mereka mahukan mereka dibantu dengan segera, terlebih

dahulu dari yang lain dengan apa cara sekalipun," katanya.

Bahkan, kata Anwar yang juga Menteri Kewangan, golongan itu menggertak sesiapa sahaja termasuk institusi kerajaan agar memberi keutamaan terhadap menyelesaikan masalah mereka.

Anwar berkata dalam masa negara menjalani pemulihan ekonomi, kepentingan negara perlu didukung dan kepentingan rakyat diperjuangkan.

"Usaha memulihkan ekonomi ada juga persamaannya dengan merawat orang sakit. Ubat pahit perlu ditelan. Dalam masa merawat terkadang-kadang sakit bertambah. Kita perlu bersabar. Tidak ada jalan singkat kepada pemulihan," katanya.

Anwar berkata beliau menghargai kepimpinan Pergerakan Pemuda kerana "mengembalikan keyakinan terhadap pergerakan dari suasana muram sebelumnya," dan tampil sebagai jurubicara kepada kepentingan umat, menyeru kepada keadilan sosial dan menegur kepincangan dalam masyarakat.

Beliau juga memuji Pergerakan Wanita kerana melancarkan Amanah Saham Wanita (ASNITA) dalam usahanya menangani masalah ekonomi negara.

Usaha dan tindakan kedua-dua sayap parti ini merupakan suatu hakikat bahawa sudah menjadi tradisi Pemuda dan Wanita sebagai pemacu baru dalam parti, katanya.

Anwar berkata, bagi menghadapi cabaran kesejagatan, dunia tanpa sempadan, ledakan maklumat dan tuntutan masyarakat madani, pemikiran Pemuda dan Wanita harus berubah dan tidak dikongkong oleh pemikiran jumud.

"Cabaran alaf baru tidak boleh ditangani dengan pemikiran feudal zaman silam. Cabaran dunia terbuka dan globalisasi tidak boleh dihadapi dengan pemikiran katak di bawah tempurung," katanya.

Kedua-dua pergerakan itu merupakan wadah untuk memperbaharui tekad perjuangan dan memekarkan jiwa merdeka, katanya.

Anwar berkata, kekuatan UMNO terletak kepada sifat relevannya iaitu "mampu menyelami setiap riak dan gerak dalam masyarakat, serta mampu bersenyawa dengan setiap kita (anggota UMNO) dan hasrat rakyat."

Menyingkap sejarah kebangkitan bangsa Melayu, Anwar berkata, kebangkitan itu muncul daripada gerakan pembaharuan dan reformasi melalui bibit yang disemai oleh Majalah al-Imam, yang diterbitkan tahun 1906 oleh pengarang Syed Sheikh al-Hadi.

Anwar berkata, anggota UMNO harus sedar bahawa parti itu sendiri ditubuhkan sebagai buah kepada benih pembaharuan yang disemai empat puluh tahun sebelumnya.

"Tanpa reformasi bangsa Melayu akan menjadi bangsa yang jumud, bangsa yang tenggelam dalam lipatan sejarah, bangsa yang dilupakan," katanya.

Ketika suasana ekonomi yang lembap, Anwar berkata, pelaksanaan agenda memartabatkan bangsa Melayu menjadi lebih sukar kerana sumber yang ada adalah terbatas manakala sektor swasta mengembalikan sepenuhnya tanggungjawab sosial mereka kepada kerajaan.

"Dasar fiskal perlu ditumpukan terhadap membantu golongan yang paling memerlukan bantuan. Tumpuan juga perlu diberikan kepada golongan peniaga kecil dan sederhana. Peruntukan pembasmian kemiskinan ditambah. Tabung biasiswa untuk pelajar miskin digerakkan secepat mungkin," katanya.

Anwar berkata, anggota UMNO perlu mengukuhkan kekuatan dalaman, budaya, ekonomi dan politik dan menangani gelombang globalisasi dan zaman digital.

Dengan memahami kenyataan itu, Anwar berkata, UMNO dapat merangka strategi agar tidak menjadi mangsa dan sebaliknya pemacu gelombang itu demi kesejahteraan umat dan bangsa.

Katanya, semangat muafakat melalui musyawarah dan demokrasi perlu dikembangkan manakala tradisi murni, kesopanan dan kehalusan budi yang mengutamakan ilmu, kebijaksanaan, pertimbangan akal saksama serta muhasabah perlu dipertahankan.

Memetik al-Quran surah al-Hasyar:7, Anwar berkata, "Kita perlu

memperjuangkan keadilan sosial dan pengagihan saksama hasil ekonomi agar kekayaan tidak berlegar di kalangan orang-orang kaya."

Katanya, dalam perjuangannya, anggota UMNO harus banyak bersabar dalam menangani segala cabaran dan kegawatan serta meningkatkan amal demi mencapai kemenangan hakiki.

-- BERNAMA

RAZ WAT NMO